



Ruj. Kami : JKKP HIE 127/12/2/7 - 06/18
Tarikh : 22 Jun 2018



**PENGURUS,
3M MALAYSIA SDN. BHD.,
LEVEL 8, JALAN PJU 1A/7A, ARA DAMANSARA
47301 PETALING JAYA
SELANGOR
(U/P: PUAN SHERLYN VOON)**

Tuan,

KELULUSAN KELENGKAPAN PERLINDUNGAN KEPALA BAGI PENGGUNAAN TOPI KESELAMATAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan yang bertarikh 30 Mei 2018 mengenai perkara di atas.

2. Berdasarkan penyaksian pengujian penuh dan penilitian ke atas dokumen-dokumen yang telah dikemukakan oleh pihak tuan, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada halangan untuk memberikan kelulusan kelengkapan perlindungan kepala bagi topi keselamatan sepertimana yang dikehendaki oleh perundangan di bawah **Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-peraturan dibawahnya.**
3. Kelulusan ini diberikan secara bertempoh sehingga 29 Mac 2023 menggunakan piawaian **MS 183 :2001** bagi 2 item yang telah dipohon seperti berikut:-

BIL.	PIAWAIAN	JENAMA	MODEL	PEMBUAT	NO KELULUSAN JKKP
1.	MS 183 : 2001	3M	M-600R	Jianh Lih Safety Product (M) S/B., Selangor	JKKP SH 08/18
2.	MS 183 : 2001	3M	M-600S	Jianh Lih Safety Product (M) S/B., Selangor	JKKP SH 09/18

4. Kelulusan ini juga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- (a) Memaklumkan kepada Jabatan mengenai sebarang pertukaran alamat, nombor telefon, nombor faks atau status sebagai pembekal atau pengedar yang sah.
 - (b) Memberikan bantuan latihan kepada pengguna tentang pemilihan, penggunaan dan penyenggaraan kelengkapan perlindungan diri.
 - (c) Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan ini dari masa ke semasa. Jabatan ini boleh menarik balik kelulusan yang dikeluarkan jika maklumat yang diberikan tidak benar.
 - (d) Menggunakan label atau logo kelulusan yang dibenarkan.
5. Kelulusan kelengkapan perlindungan diri yang diberikan adalah terhad kepada aspek keselamatan kelengkapan perlindungan diri itu sendiri berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh syarikat pemohon. Keselamatan dan kesesuaian penggunaan kelengkapan perlindungan diri adalah menjadi tanggungjawab pengguna kerana ianya adalah di luar pengetahuan dan kawalan Jabatan.
6. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Kelulusan dan Pemantauan Kawalan Hazad, Bahagian Higien Industri dan Ergonomik, En. Zulkernain Bin Harun di talian 019-2249650. Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PEKERJA BERKEMAHIRAN PENERAJU KECEMERLANGAN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(IR HJ OMAR BIN MAT PIAH)
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

s.k. Pengarah Bahagian Higien Industri dan Ergonomik.

ZH/KELULUSAN/SH 06/18